

Headline	LKIM sekat eksport spesies ikan popular Jan hingga Feb		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	22 Dec 2019	Color	Black/white
Section	Tempatan	Circulation	25,055
Page No	2	Readership	75,165
Language	Malay	ArticleSize	129 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 274
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 822



LKIM sekat eksport spesies ikan popular Jan hingga Feb

KUCHING: Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) akan melakukan sekatan eksport ke atas bekalan spesies ikan yang popular kalangan rakyat negara ini mulai 1 Januari sehingga 28 Februari tahun depan.

Pengerusi LKIM, Mohd Faiz Fadzil berkata ini bagi memastikan bekalan spesies ikan terbabit di pasaran negara ini mencukupi dan harganya berpatutan ketika musim tengkujuh dan menjelang perayaan Tahun Baharu Cina awal tahun depan.

“Sekatan eksport ikan terbabit adalah terhadap spesies ikan rakyat atau ikan yang popular kalangan rakyat seperti ikan kembong, ikan bawal, ikan pelaling, ikan selar dan udang,” katanya selepas merasmikan Program Bazar Peduli Rakyat (BPR) di sebuah pasar raya di Tabuan Jaya, di sini, Sabtu.

BPR yang merupakan kerjasama LKIM dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) untuk membantu rakyat dalam golongan B40 membeli barangan makanan termasuk ikan dengan potongan harga lima hingga 30 peratus.

Katanya setakat ini harga ikan secara keseluruhannya seluruh negara masih terkawal dan bekalannya juga mencukupi di pasaran walaupun musim tengkujuh dan menjelang perayaan Krismas kerana LKIM ada menyimpan bekalan ikan yang mencukupi bagi menghadapi musim itu.

Selain itu, Faiz berkata ketika musim tengkujuh ini hanya nelayan pesisir pantai yang tidak menangkap ikan berikutan laut bergelora tetapi nelayan laut dalam iaitu di zon C dan C2 masih boleh turun ke laut menangkap ikan. - Bernama